



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Ahmad Ridhwan Che Husin, Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Shamsul Hazliyatul Akma Mohmad (2025). Analisis nilai moral menerusi teks Teladan Tiga Benua. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 3(12), 195-209. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2025.3.12>

ANALISIS NILAI MORAL MENERUSI TEKS TELADAN TIGA BENUA

(Analysis Of Moral Values Through Text Teladan Tiga Benua)

¹Ahmad Ridhwan Che Husin, ²Mohd Firdaus Che Yaacob,
³Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & ⁴Shamsul Hazliyatul Akma Mohmad

^{1,2,3,4}Pusat Jabatan Pengajian Warisan,
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan,
Kampus Bachok,
Beg Berkunci No. 1,
16300 Bachok, Kelantan

¹*Corresponding author: firas14409@gmail.com*

Received: 19/3/2025

Revised: 7/7/2025

Accepted: 9/7/2025

Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan satu bentuk kisah tauladan yang mampu membentuk keperibadian masyarakat setempat. Kekayaan nilai dalam cerita rakyat membuatkan ianya mampu dikekalkan daripada satu generasi ke generasi yang lain. Namun, cerita rakyat pada masa kini kurang disampaikan terutama kepada anak-anak muda. Hal ini kerana anak-anak muda lebih terdedah dengan perkembangan sains dan teknologi seperti permainan komputer, permainan video dan mesin kawalan jauh. Oleh itu, cerita rakyat dianggap kurang relevan untuk disampaikan kepada anak-anak muda. Maka, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan

menganalisis nilai moral menerusi teks *Teladan Tiga Benua*. Kajian ini mengambil beberapa cerita rakyat yang ditemui dalam teks *Teladan Tiga Benua*. Antara cerita rakyat yang dikenal pasti ialah *Lagu Ajaib*, *Legenda Batu Naga* dan *Syeikh Butana yang Cerdik*. Oleh sebab itu, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi memperoleh data yang sah. Kajian ini turut menggunakan teori Takmilah menerusi prinsip kerasulan bersifat Kamil sebagai pengukuhan data. Hasilnya, kajian ini menemukan cerita rakyat mampu mendidik nilai moral ke atas kanak-kanak dengan menerapkan sifat-sifat mulia sebagai seorang khalifah.

Kata kunci: Cerita rakyat, nilai moral, kanak-kanak, pembelajaran, Prinsip Kerasulan Bersifat Kamil

ABSTRACT

*Folklore is a form of exemplary story that can shape the personality of the local community. The richness of values in folklore makes it possible to maintain it from one generation to another. However, folklore is currently less conveyed, especially to young people. This is because young people are more exposed to the development of science and technology such as computer games, video games and remote control machines. Therefore, folklore is considered less relevant to convey to young people. Therefore, this study was carried out to identify and analyze moral values through the text *Teladan Tiga Benua*. This study took several folklore found in the text *Teladan Tiga Benua*. Among the folklore identified are *Lagu Ajaib*, *Legenda Batu Naga* and *Syeikh Butana yang Cerdik*. Therefore, this study uses the method of literature and text analysis to obtain valid data. This study also uses the theory of Takmilah through the principle of apostolicity that is Kamil as a data reinforcement. As a result, this study found that folklore is able to educate moral values in children by instilling noble qualities as a caliph.*

Keywords: *Folklore, moral values, children, learning, Principles of Perfect Apostleship*

PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan kisah turun-temurun nenek moyang yang disampaikan bagi memperbaiki tingkah laku masyarakat setempat. Menurut Norazimah Zakaria (2013) cerita rakyat sangat disukai oleh masyarakat terdahulu kerana banyak pengajaran mampu diperoleh. Masyarakat mampu mempelajari tentang adat resam yang diketengahkan oleh nenek moyang secara tidak langsung. Hal ini membolehkan adat resam nenek moyang mampu dikekalkan sebagai pengetahuan anak-anak muda. Penyataan ini disokong oleh Fatimah Hassan & Hamid Mohd. Isa (2014) cerita rakyat disampaikan oleh golongan rakyat jelata sebagai satu bentuk hiburan pada masa lapang. Cerita rakyat digunakan sebagai bahan cereka untuk mengisi masa terluang bersama-sama anak. Penyampaian cerita rakyat ini mampu mengeratkan hubungan ibu bapa dan anak. Hal ini dianggap sebagai peluang ibu bapa untuk menghabiskan masa dengan anak-anak tanpa perlu risau akan pekerjaan mereka. Manakala, menurut Jupri Bacotang, Zainiah Mohamed Isa, Mazlina Che Mustafa, Mahzan Arshad & Ainon Omar (2016) cerita rakyat ialah satu kisah yang mengajar masyarakat tentang budaya dan peradaban

yang dimiliki oleh nenek moyang terdahulu. Pembelajaran ini membolehkan masyarakat memahami salasilah serta warisan yang menjadi jati diri nenek moyang terdahulu. Melalui pembelajaran ini, anak-anak muda lebih menghormati dan menghargai setiap warisan yang dimiliki masyarakatnya.

Nilai moral merupakan satu bentuk pendidikan yang mengetengahkan kaedah seseorang dalam mengatur setiap pergerakannya (Roslina Abu Bakar, 2017). Hal ini bagi memastikan setiap tindakannya itu tidak melanggar hak serta undang-undang setempat. Nilai moral ini perlu dijaga agar memastikan anak-anak muda turut mempelajari setiap perwatakan yang baik. Kenyataan ini disokong oleh Aishah Abdul Malek, Mohd Nazri Abdul Rahman, Romli Darus & Muhammad Asyraf Mansor (2019) nilai moral ialah satu bentuk tingkah laku yang mampu diterima oleh seluruh komuniti tanpa bantahan. Hal ini kerana tingkah laku tersebut memaparkan kebaikan dalam setiap perbuatan masyarakatnya. Justeru itu, pemupukan nilai moral dalam diri sangat digalakkan kerana ianya menonjolkan prestasi serta perkembangan sendiri seseorang individu.

Nilai moral dalam cerita rakyat Melayu perlu disampaikan secara menyeluruh kepada kanak-kanak. Penyampaian cerita rakyat kepada kanak-kanak penting agar mereka belajar tentang cara menghormati warga tua. Secara tidak langsung, kanak-kanak lebih menjaga peradaban serta kesopanan ketika bergaul dengan masyarakat sekeliling. Perbuatan ini mampu mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat hari ini. Kanak-kanak juga lebih berdikari dan rasional dalam membuat sesuatu perkara pada masa hadapan. Secara kesimpulannya, cerita rakyat dilihat sebagai satu alat yang digunakan untuk mengembangkan potensi diri ke arah yang lebih baik. Cerita rakyat berpotensi untuk memperbolehkan kanak-kanak untuk mempelajari bentuk-bentuk tingkah laku secara asas. Pembelajaran tingkah laku yang baik dalam kalangan kanak-kanak perlu dilakukan demi kesejahteraan komuniti. Hal ini bagi memastikan kanak-kanak mampu beradaptasi dengan tingkah laku yang baik sepanjang tumbesarnya.

SOROTAN LITERATUR

Pada bahagian sorotan kajian lepas, pengkaji telah meneliti beberapa sarjana yang mengkaji tentang cerita rakyat di Malaysia. Antara kajian yang diteliti ialah *Hikayat Panglima Nikosa: Transformasi Sosial dalam Magnum Opus Borneo: Teks dan Konteks* oleh Awang Azman Awang Pawi (2021). Kajian ini menekankan bentuk transformasi sosial dalam cerita rakyat berbentuk hikayat Melayu. Cerita rakyat merupakan satu bentuk kisah yang kompleks memenuhi keperluan masyarakat setempat. Cerita rakyat biasanya disampaikan bagi tujuan mendidik keperibadian masyarakat setempat. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan transformasi sosial dalam *Hikayat Panglima Nikosa*. Kajian ini membataskan sebuah cerita iaitu *Hikayat Panglima Nikosa*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasilnya, kajian ini mendapati cerita rakyat Melayu memiliki aspek transformasi yang mampu mengubah perspektif masyarakat tempatan ke arah yang lebih terbuka.

Seterusnya, kajian yang bertajuk *Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik* oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021). Kajian ini memperihalkan tentang cerita rakyat yang mampu membina

nilai intergriti dalam politik tempatan. Cerita rakyat adalah satu bentuk kisah klasik yang mudah difahami dan dihayati oleh sesiapa. Cerita rakyat ini biasanya disampaikan dalam bentuk lisan. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis aspek politik tempatan dalam cerita *Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang*. Kajian ini membataskan sebuah cerita rakyat iaitu *Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berpaksikan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Tambahan pula, kajian ini menggunakan teori relevans sebagai deduktif yang mampan. Hasilnya, kajian ini menemukan terdapat mesej tersirat dalam cerita rakyat yang disampaikan untuk memperbaiki sistem politik tempatan.

Penelitian ini turut dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) menerusi tajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Cerita rakyat meliputi hasil pengucapan lisan yang disampaikan oleh masyarakat terdahulu kepada anak-anak muda. Hal ini bagi mendidik akhlak masyarakat setempat ke arah yang lebih baik. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan membincangkan nilai murni dalam cerita legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini membataskan beberapa buah cerita rakyat yang ditemui di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan seperti *Haji Long Abdul Rahman, Kehebatan Laksamana Laut, Bidan Tok Haji Esah, Raja Sakti Pemerintah Beribawa, Che Deraman, Che Him, Tentera Bergajah, Nik Mat Keturunan Raja Banjar, Kehebatan Bomoh Siam, Tok Karim Guru Silat Masyhur dan Pengunduran Raja Pattani*. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual bagi mengukuhkan data kajian. Hasilnya, kajian ini menemukan nilai murni mengajar anak-anak muda tentang peradaban yang telah digariskan oleh nenek moyang menerusi penyampaian cerita rakyat.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Nilai Murni dalam Lagu Rakyat Melayu Sarawak: Puteri Santubong* oleh Nur Sabrina Ericca Erik (2022). Cerita rakyat merupakan kisah yang direka bagi memastikan sebuah masyarakat mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh nenek moyang. Maka, tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan membincangkan nilai murni dalam cerita *Puteri Santubong*. Kajian ini berfokuskan kepada sebuah cerita tradisi Sarawak iaitu *Puteri Santubong*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Secara rumusnya, kajian ini menemukan nilai murni yang mampu dijadikan sebagai nasihat bermanfaat kepada masyarakat iaitu melalui kesedaran tidak mengulangi kesilapan yang sama.

Di samping itu, kajian yang bertajuk *Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2023). Cerita rakyat ialah hasil karya yang digubah secara lisan bagi membentuk perwatakan yang baik dalam kalangan masyarakat setempat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis konsep akal budi dalam cerita rakyat. Kajian ini membataskan untuk meneliti beberapa cerita rakyat dalam teks *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Oleh itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berlandaskan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini turut menggunakan pengkaedahan alamiah sebagai pengukuhan data. Hasilnya, kajian ini menyimpulkan kehidupan berorientasikan pemikiran bijaksana mampu membina masyarakat yang rasional dalam menghadapi cabaran global.

Sementara itu, kajian yang bertajuk *Akal Budi dalam Cerita Rakyat Interpretasi Sosiobudaya Kanak-Kanak dan Remaja* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che

Yaacob (2023). Cerita rakyat meliputi penyampaian nasihat yang lahir daripada hati penglipur lara. Setiap nasihat yang diutarakan bagi melentuk keperibadian masyarakat setempat agar tidak melanggar pantang-larang atau adat resam. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis akal budi dalam cerita rakyat terhadap interpretasi sosiobudaya kanak-kanak dan remaja. Kajian ini membataskan tiga buah cerita rakyat yang ditemui di Tanah Merah, Kelantan iaitu *Amukan Lembaga Hitam*, *Misteri Penunggu Panau* dan *Haji Mahmud Tokoh Agama*. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual bagi pengukuhan data. Hasilnya, kajian ini menemukan akal budi dijadikan medium pendidikan yang mengajar anak-anak muda sosiobudaya yang dimiliki oleh masyarakat Melayu.

Pengamatan yang mendalam turut dilakukan dalam kajian yang bertajuk *The Research On Identification Of Moral Values In Malay Folklore As A Learning And Teaching Medium Among Students At University Malaysia Kelantan Through The Quizziz Application* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2023). Cerita rakyat melibatkan gaya penyampaian secara lisan yang sekaligus mencerminkan pemikiran masyarakat lampau. Cerita rakyat sebenarnya mengajar masyarakat untuk lebih terbuka dan rasional dalam menyelesaikan masalah. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan nilai moral dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di Universiti Malaysia Kelantan menerusi cerita rakyat. Kajian ini membataskan sebuah cerita rakyat iaitu *Man Kumis Pembuka Lundang*. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, lapangan dan soal selidik bagi proses pengumpulan data. Kajian ini mengambil seramai 32 orang pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan sebagai responden. Hasilnya, kajian ini mendapati terdapat nilai moral seperti belas kasihan yang mengajar pelajar-pelajar untuk menghargai antara satu sama lain.

Secara kesimpulannya, kajian-kajian lepas telah mengkaji cerita rakyat secara amnya. Namun, masih terdapat kelompangan dalam aspek nilai moral menerusi cerita rakyat Melayu. Hal ini kerana pengkaji terdahulu lebih berfokuskan terhadap akal budi, nilai murni dan politik setempat. Hal ini menyebabkan aspek nilai moral kian diperhatikan oleh para sarjana. Maka, kajian ini dilakukan bagi mengembalikan nilai tambah dalam kajian sedia ada dengan memberi penekanan terhadap aspek nilai moral.

PENYATAAN MASALAH

Pengkaji telah meneliti beberapa kajian terdahulu yang mengkaji cerita rakyat. Antara kajian yang diteliti ialah *Hikayat Panglima Nikosa: Transformasi Sosial dalam Magnum Opus Borneo: Teks dan Konteks* oleh Awang Azman Awang Pawi (2021), *Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik* oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021), *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022), *Nilai Murni dalam Lagu Rakyat Melayu Sarawak: Puteri Santubong* oleh Nur Sabrina Ericca Erik (2022), *Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2023), *Akal Budi dalam Cerita Rakyat Interpretasi Sosiobudaya Kanak-Kanak dan Remaja* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2023) dan *The Research On Identification Of Moral Values In Malay Folklore As A Learning And Teaching Medium Among Students At University*

Malaysia Kelantan Through The Quizziz Application oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2023).

Melalui kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati masih terdapat kelompangan terutama terhadap kajian nilai moral menerusi cerita rakyat. Hal ini disebabkan oleh pengkaji terdahulu lebih menitikberatkan aspek nilai murni, akal budi, dan politik tempatan berbanding nilai moral. Maka, kajian ini dilaksanakan bagi mengembalikan martabat cerita rakyat menerusi aspek nilai moral. Hal ini bagi membolehkan kanak-kanak lebih terdedah dengan adab serta adat resam yang digariskan oleh nenek moyang. Pendedahan sebegini mampu mengekalkan penyampaian cerita rakyat dalam kalangan kanak-kanak.

BATASAN KAJIAN

Pada bahagian batasan kajian, pengkaji telah menggariskan beberapa cerita rakyat. Cerita rakyat ini diambil daripada teks *Teladan Tiga Benua* yang ditulis oleh Hassan Noor & Rohani Mohd Bakri. Teks ini diterbitkan pada tahun 2016 menerusi SAM Synergy Media Sdn Bhd, Kuala Lumpur. Antara cerita rakyat yang dipilih ialah *Lagu Ajaib*, *Legenda Batu Naga* dan *Syeikh Butana yang Cerdik*. Ketiga cerita ini dipilih secara rawak dan ditapis sebanyak lima kali. Selain itu, kajian ini juga menggunakan teori Takmilah yang digagaskan oleh Shafei Abu Bakar (1996) menerusi prinsip Kerasulan bersifat Kamil. Teori ini dilihat sangat menonjolkan hasil karya sastera yang berpandukan agama Islam sesungguhnya. Hal ini dilihat sangat menonjolkan identiti masyarakat tempatan.

METODOLOGI KAJIAN

Pada bahagian metodologi, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang terbahagi kepada dua kaedah iaitu kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan merupakan satu bentuk penelitian ilmiah bagi merumuskan sesuatu istilah dalam kajian. Hal ini penting dilakukan agar kajian mampu diselaraskan dan mengikuti kerangka utama. Maka, kajian ini telah merujuk beberapa bahan ilmiah seperti buku, jurnal, sumber internet dan kamus. Bahan-bahan ilmiah ini digunakan bagi mengkaji makna cerita rakyat dan nilai moral secara terperinci. Sumber ilmiah ini duperoleh di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan dan Arkib Negara Cawangan Kelantan.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah analisis teks. Kajian ini menggunakan sebuah buku cerita yang bertajuk *Teladan Tiga Benua*. Buku ini ditulis oleh Hassan Noor & Rohani Mohd Bakri. Buku ini diterbitkan oleh SAM Synergy Media Sdn Bhd pada tahun 2016. Pengkaji telah memilih tiga buah cerita rakyat dalam buku ini iaitu *Lagu Ajaib*, *Legenda Batu Naga* dan *Syeikh Butana yang Cerdik*. Tiga buah cerita ini dipilih secara rawak dan ditapis sebanyak lima kali. Hal ini bagi membolehkan pengkaji menemui cerita rakyat yang bersesuaian dengan aspek nilai moral yang diketengahkan. Penelitian terhadap cerita rakyat ini mampu disejajarkan dengan objektif utama kajian ini dilakukan. Di samping itu, kajian ini turut menggunakan teori takmilah oleh Shafei Abu Bakar (1996) menerusi prinsip Kerasulan bersifat Kamil. Hal ini kerana prinsip ini menyerlahkan lagi nilai-nilai moral yang digariskan dalam agama Islam.

TEORI TAKMILAH

Pengkaji telah memilih teori Takmilah sebagai kerangka utama bagi menyelarikan tujuan kajian ini dilaksanakan. Teori Takmilah oleh Shafei Abu Bakar (1996) ini memberi penekanan terhadap aspek ketuhanan, kenabian, keislaman dan keilmuan kepada pemikiran masyarakat setempat. Prinsip-prinsip Islam dijadikan pengukuhan kepada teori Takmilah. Hal ini agar setiap masyarakat mampu mempelajari ilmu agama secara mendalam dan menggunakan garisan yang ditetapkan. Kajian ini memilih salah satu prinsip dalam teori Takmilah iaitu Kerasulan bersifat Kamil. Prinsip Kerasulan bersifat Kamil memperlihatkan nilai serta pemikiran berbentuk insaniah. Hal ini memperlihatkan golongan manusia yang mampu berfikir secara kritis dan inovatif dalam menyelesaikan masalah. Setiap masalah dirungkai mengikut falsafah, Hadis dan Al-Quran yang disampaikan para ulamak serta rasul. Penyelesaian masalah ini menentukan tahap seseorang manusia itu mampu menjadi khalifah sebagaimana yang ditentukan dalam Islam. Hal ini dilihat menerusi gaya kepimpinan, sifat mahmudah, keperibadian serta akhlak mulia.

Pembelajaran Nilai Moral Melalui Teks *Teladan Tiga Benua*

Pada bahagian analisis kajian, pengkaji telah memperoleh beberapa nilai moral dalam teks *Teladan Tiga Benua*. Antara nilai moral yang akan diketengahkan ialah *kesopanan, berani mencuba, berterima kasih, daya usaha* dan *murah hati*.

Nilai moral merupakan satu perbuatan yang merangkumi tingkah laku baik dan buruk seseorang individu (Aishah Abdul Malek, Mohd Nazri Abdul Rahman, Romli Darus & Muhammad Asyraf Mansor, 2019). Nilai moral melibatkan setiap perbuatan yang diterima oleh keseluruhan masyarakat tanpa ada pertikaian. Hal ini kerana setiap perbuatan tersebut akan menjadi ikutan masyarakat setempat. Penyataan ini disokong oleh Awang Azman Awang Pawi (2021) yang berpendapat nilai moral ialah satu bentuk keyakinan seseorang terhadap ajaran yang ditetapkan oleh komuniti. Hal ini berkait rapat dengan keyakinan seseorang mendalam terhadap kewajiban dalam menggalas tanggungjawab secara utuh.

Nilai Moral Melalui Kesopanan

Kesopanan ialah satu bentuk adat yang menjaga sopan santun baik dari segi perbuatan atau pertuturan (Fatimah Hassan & Hamid Mohd. Isa, 2014). Kesopanan juga meliputi tata krama yang bersangkutan paut dengan kepercayaan masyarakat setempat. Oleh itu, perbuatan yang baik seperti saling menghormati sangat dititikberatkan dalam komuniti. Maka, setiap anggota disarankan untuk saling menjaga pertuturan dan perbuatan agar tidak mengguris perasaan mana-mana pihak. Kenyataan ini disokong oleh Juppri Bacotang, Zainiah Mohamed Isa, Mazlina Che Mustafa, Mahzan Arshad & Ainon Omar (2016) yang mentakrifkan kesopanan adalah tingkah laku yang baik ditonjolkan oleh seseorang. Setiap perlakuan tersebut akan menjadi ikutan masyarakat setempat kerana bermanfaat. Tindakan sebegini mampu mewujudkan hubungan yang harmoni dalam kalangan komuniti.

Nilai moral melalui kesopanan mampu dilihat pada tajuk cerita *Lagu Ajaib*. Nilai ini diterangkan seperti petikan di bawah:

Petikan 1

“Ayah, tahukah siapa yang sedang bernyanyi itu?” tanya Latifa kepada Syarif, ayahnya. “Ah, itukan hanya pemuzik jalanan yang biasa bernyanyi di pasar.” jawab Syarif. “Tetapi suaranya sangat merdu, ayah. Kalau ayah tidak keberatan, saya ingin mendengar dia bernyanyi di depanku.” pinta Latifa penuh harapan.

(Hassan Noor & Rohani Mohd Bakri, 2016: 16)

Berdasarkan petikan di atas, kesopanan mampu dilihat pada watak Latifa. Latifa merupakan seorang puteri raja yang buta semenjak lahir. Setiap hari Latifa sering mendengar pemuzik jalanan bernyanyi. Maka, Latifa memberanikan diri untuk meminta izin daripada ayahnya iaitu Raja Syarif agar pemuzik jalanan itu bernyanyi dihadapannya. Tindakan Latifa dilihat sangat menghormati ayahnya sebelum melakukan apa-apa tindakan. Setiap tindakannya dimaklumkan terlebih dahulu kepada ayahnya.

Seterusnya, nilai moral melalui kesopanan juga mampu dilihat dalam tajuk cerita *Lagu Ajaib*. Nilai ini diterangkan seperti petikan di bawah:

Petikan 2

“Izinkan saya menyanyi untukmu, Latifa.” ucap Harun sopan. “Silakan. Saya suka mendengarnya.” sahut Latifa sambil tersenyum.

(Hassan Noor & Rohani Mohd Bakri, 2016: 16)

Melalui petikan di atas, kesopanan mampu dilihat juga pada watak Harun. Harun ialah pemuzik jalanan yang dibawa masuk atas perkenan Raja Syarif. Raja Syarif dikatakan berbuat demikian kerana permintaan puterinya iaitu Latifa. Sebelum menyanyi, Harun dilihat meminta izin terlebih dahulu kepada Latifa. Hal ini disebabkan oleh Latifa seorang puteri yang mengalami cacat penglihatan. Perbuatan Harun dilihat agar Latifa tidak terkejut apabila mendengar suaranya.

Selain itu, nilai moral melalui kesopanan turut dilihat dalam tajuk cerita *Syeikh Butana yang Cerdik*. Nilai ini diperihalkan seperti petikan di bawah:

Petikan 3

Pada suatu hari terdapat seorang musafir bernama Zainal yang sedang dalam perjalanan ke Butana. Dia telah bertemu dengan Syeikh Hamad untuk meminta izin tinggal selama beberapa hari di sana.

(Hassan Noor & Rohani Mohd Bakri, 2016: 33)

Menerusi petikan di atas, kesopanan mampu dilihat pada watak Zainal. Zainal merupakan seorang pengembara yang dalam perjalanan ke Butana. Ketika dalam perjalanan, Zainal telah bertemu dengan seorang Syeikh iaitu Syeikh Hamad. Zainal meminta izin dengan Syeikh Hamad untuk tumpang berteduh selama beberapa hari. Permintaan Zainal disambut baik oleh

Syeikh Hamad. Sambutan baik itu dilihat dengan kemeriahan Syeikh Hamad mengadakan jamuan makan bagi menyambutnya sebagai tetamu.

Pengaplikasian teori takmilah menerusi prinsip Kerasulan bersifat Kamil oleh Shafei Abu Bakar (1996). Prinsip ini mengutamakan nilai dan keperibadian berbentuk insaniah. Prinsip ini menggabungkan perbuatan yang baik dengan pemikiran individu agar tidak menyimpang daripada adat serta adab yang digariskan oleh masyarakat setempat. Melalui prinsip ini, kanak-kanak lebih mengutamakan perbuatan yang mulia seperti saling menghormati dan bertoleransi antara satu sama lain. Perbuatan baik ini mampu mewujudkan hubungan yang harmoni tanpa pertelingkahan atau salah faham. Justeru itu, perbuatan yang baik juga mengharuskan golongan muda untuk saling menghormati keputusan golongan tua secara saksama. Nilai moral kesopanan ini mengajar kanak-kanak agar lebih menghormati pandangan ibu bapa atau guru sebelum bertindak. Hal ini mengajar kanak-kanak untuk optimis dalam mengambil tindakan. Secara tidak langsung, kanak-kanak dididik untuk tidak melakukan perbuatan yang tidak wajar di luar pengetahuan ibu bapa dan guru.

Nilai Moral Melalui Berani Mencuba

Berani mencuba merupakan perwatakan seseorang yang sangat menjaga maruah diri (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2022). Individu ini tidak akan membiarkan maruahnya dikritik serta dicalarkan oleh mana-mana pihak. Imejnya sentiasa dijaga demi kepentingan diri serta keluarganya. Individu ini akan sentiasa berusaha mempertahankan imej dengan menonjolkan perbuatan yang mulia. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob & Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2023) berani mencuba melibatkan sikap individu yang tidak meminta belas atau simpati mana-mana pihak. Setiap keuntungan yang diperoleh adalah berdasarkan usahanya sendiri. Hal ini kerana individu tersebut sangat tegas dalam melakukan apa-apa tindakan. Pernyataan ini juga disokong oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021) yang mendefinisikan berani mencuba ialah usaha gigih yang dilakukan oleh seseorang dengan mengambil pelbagai risiko. Usaha gigih tersebut dilakukan demi mencapai matlamat utama hidupnya. Hal ini kerana individu tersebut percaya usaha yang berterusan mendekatkan dirinya dengan matlamat utama.

Nilai moral melalui berani mencuba mampu diperhatikan dalam tajuk cerita *Lagu Ajaib*. Nilai ini diperincikan sebagaimana petikan di bawah:

Petikan 4

“Ayah, tahukah siapa yang sedang bernyanyi itu?” tanya Latifa kepada Syarif, ayahnya. “Ah, itukan hanya pemuzik jalanan yang biasa bernyanyi di pasar.” jawab Syarif. “Tetapi suaranya sangat merdu, ayah. Kalau ayah tidak keberatan, saya ingin mendengar dia bernyanyi di depanku.” pinta Latifa penuh harapan.

(Hassan Noor & Rohani Mohd Bakri, 2016: 16)

Nilai moral melalui berani mencuba mampu dilihat pada watak Latifa. Latifa ialah seorang puteri raja yang buta dan memiliki sopan santun. Kedudukan Latifa seorang puteri raja membuatnya sentiasa menjaga kelakuan. Pada suatu hari, Latifa telah meminta ayahnya untuk membenarkan pemuzik jalanan untuk bernyanyi di hadapannya. Kedudukan ayahnya

seorang raja membuatkan Latifa terfikir permintaannya itu akan ditolak. Namun, kesopanan Latifa dalam meminta izin daripada ayahnya, membuatkan permintaan tersebut ditunaikan. Keberanian Latifa dalam meminta belas ehsan ayahnya itu dilihat berjaya apabila ianya ditunaikan.

Sementara itu, nilai moral melalui berani mencuba juga dilihat dalam tajuk *Legenda Batu Naga*. Nilai ini diperincikan sebagaimana petikan di bawah:

Petikan 5

Amir membawa kambingnya ke suatu tempat yang tinggi agar raksasa itu mudah melihatnya. Lalu, dia mengikat salah satu kaki kambing dengan tali dan mengikatkan hujung tali yang lagi satu pada sebuah batu besar di atas bukit. Setelah selesai, Amir pun bersembunyi.

(Hassan Noor & Rohani Mohd Bakri, 2016: 27)

Berdasarkan petikan di atas, berani mencuba mampu dilihat pada watak Amir. Amir merupakan anak peladang yang memelihara kambing. Namun, kambing ternakannya sering dibaham oleh raksasa. Keluarga Amir hidup dalam ketakutan setiap hari. Amir yang tidak mahu perkara ini berterusan terus mencari akal untuk mengalahkan raksasa tersebut. Suatu hari, Amir mengambil seekor kambing untuk dijadikan umpan. Kaki kambing itu telah diikat dengan seutas tali. Tali itu juga diikat pada batu besar atas bukit. Apabila raksasa itu memakan kambing, maka dirinya dihempap dengan batu besar. Keberanian Amir telah membuatkan ternakan kambingnya selamat daripada ancaman raksasa.

Pengaplikasian teori Takmilah menerusi prinsip kerasulan bersifat Kamil oleh Shafei Abu Bakar (1996). Prinsip kerasulan bersifat Kamil ini menekankan bentuk pemikiran berdasarkan ilmu agama Islam. Setiap permasalahan perlu diselesaikan secara berhemah tanpa pergaduhan dalam komuniti. Islam mengajar manusia agar saling berfikir secara inovatif dalam menyelesaikan masalah. Islam mengajar manusia agar sentiasa berani dalam mencuba sesuatu alternatif bagi menyelesaikan masalah. Hal ini bagi menjamin keberhasilan idea tersebut berjaya dilaksanakan. Prinsip ini mengajar kanak-kanak tentang langkah untuk beradaptasi dengan pelbagai situasi tak terduga. Nilai berani dalam mencuba sesuatu membuatkan kanak-kanak mampu meneroka dunia dengan pelbagai cara. Hal ini mendorong kanak-kanak agar lebih kreatif dalam menyelesaikan masalah tanpa mengharapkan bantuan ibu bapa semata-mata. Secara tidak langsung, kanak-kanak mampu belajar berdikari untuk menyelesaikan masalah dengan kudrat mereka sendiri.

Nilai Moral Melalui Berterima Kasih

Menurut Norazimah Zakaria (2013) berterima kasih merupakan kata-kata yang mengandungi kalimat kesyukuran ke atas sesuatu perkara. Berterima kasih melambangkan penghargaan individu atas kebaikan seseorang. Hal ini kerana individu tersebut merasa perbuatan baik yang diterima tidak mampu dibalas dengan wang ringgit. Maka, kalimat terima kasih digunakan bagi menonjolkan rasa syukur tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Nur Sabrina Ericca Erik (2022) yang berpendapat berterima kasih ialah ucapan syukur atas kurnian atau budi seseorang ke atas individu tersebut. Berterima kasih menggambarkan perasaan tidak tenilai dalam

menerima sumbangan atau budi orang lain. Oleh itu, individu tersebut wajar memberi pengiktirafan atas budi yang telah diterima.

Nilai moral melalui berterima kasih mampu dilihat pada tajuk *Lagu Ajaib*. Nilai ini diterangkan seperti petikan di bawah:

Petikan 6

“Wahai Harun, melalui dirimu Allah SWT telah menyembuhkan puteriku, Latifa. Beta sangat gembira jika kamu mahu menikahinya.” harap Syarif. “Tetapi saya hanyalah seorang pemuzik jalanan tuanku.” kata Harun merendah diri. “Tiada masalah. Ini adalah merupakan hadiah sebagai tanda terima kasihku kepadamu.” jelas Syarif.

(Hassan Noor & Rohani Mohd Bakri, 2016: 17)

Melalui petikan di atas, berterima kasih mampu dilihat pada watak Syarif. Syarif merupakan seorang raja yang memiliki seorang puteri cacat penglihatan semenjak lahir. Suatu hari, Syarif menyetujui permintaan puterinya untuk mendengar pemuzik jalanan bernyanyi. Apabila pemuzik jalanan yang bernama Harun itu menyanyi di hadapan puterinya, Latifa tiba-tiba mampu melihat seperti orang lain. Hal ini dianggap seperti keajaiban Allah SWT kepada mereka semua. Syarif merasakan sangat berterima kasih kepada Harun kerana melaluinya Allah SWT memberi kesembuhan kepada Latifa.

Pengaplikasian teori Takmilah menerusi prinsip kerasulan bersifat Kamil oleh Shafei Abu Bakar (1996). Prinsip kerasulan bersifat Kamil melibatkan perbuatan baik sesama anggota komuniti. Perbuatan baik mampu memperlihatkan tahap kepimpinan seseorang manusia. Hal ini dilihat melalui perbuatan, pertuturan serta gaya pemikirannya yang menitikberatkan ilmu agama Islam. Penulis cerita rakyat sangat menitikberatkan ilmu pengetahuan yang berteraskan agama Islam. Hal ini kerana penulis percaya setiap pembelajaran berteraskan ilmu agama mampu membentuk perwatakan yang baik dalam kalangan manusia. Oleh itu, watak-watak dalam cerita di atas sangat mementingkan hubungan sosial dengan watak lainnya. Prinsip ini menekankan tentang ilmu berterima kasih dalam apa jua tindakan. Kanak-kanak seharusnya mempelajari ilmu nilai moral ini agar mereka lebih bersyukur atas nikmat yang diperoleh. Pendidikan moral ini secara tidak langsung mengajar mereka untuk tidak sombong dan sentiasa merendah diri dalam apa juga keadaan. Kanak-kanak yang dididik dengan nilai moral ini akan lebih menghargai setiap pemberian orang lain tanpa mengira harga mahal ataupun tidak.

Nilai Moral Melalui Daya Usaha

Menurut Roslina Abu Bakar (2017) daya usaha merupakan kegiatan atau tingkah laku yang berterusan. Tingkah laku tersebut dilakukan bagi memastikan matlamat utama mampu dicapai. Oleh itu, seseorang individu akan berusaha secara maksimal untuk mendapatkan perkara yang diinginkan. Kenyataan ini disokong oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2023) yang mendefinisikan daya usaha ialah inisiatif yang dilakukan secara individu mahupun kelompok demi memberi manfaat kepada semua pihak. Inisiatif ini dianggap sebagai salah satu tanggungjawab komuniti bagi menyelaraskan matlamat bersama. Maka, kegiatan yang berterusan perlu dilakukan demi manfaat organisasi mereka.

Selain itu, nilai moral melalui daya usaha mampu dilihat dalam tajuk *Legenda Batu Naga*. Nilai ini diperihalkan sebagaimana petikan di bawah:

Petikan 7

Amir membawa kambingnya ke suatu tempat yang tinggi agar raksasa itu mudah melihatnya. Lalu, dia mengikat salah satu kaki kambing dengan tali dan mengikatkan hujung tali yang lagi satu pada sebuah batu besar di atas bukit. Setelah selesai, Amir pun bersembunyi.

(Hassan Noor & Rohani Mohd Bakri, 2016: 27)

Menerusi petikan di atas, watak Amir memperlihatkan nilai moral melalui daya usaha. Hal ini dilihat apabila Amir mengambil alternatif lain untuk mencegah raksasa daripada berterusan memakan kambing peliharaannya. Tindakan Amir yang menjadikan seekor kambing sebagai umpan telah berhasil setelah raksasa tersebut mati dihempap batu besar. Kambing yang terikat itu dilihat sebagai perangkap untuk mengelabui mata raksasa yang kelaparan. Oleh itu, raksasa kurang berwaspada lalu terhempap batu besar dari atas bukit. Tindakan Amir ini membuatkan kehidupan mereka sekeluarga kembali aman tenteram kerana raksasa tersebut telah terbunuh. Pengaplikasian teori Takmilah menerusi prinsip kerasulan bersifat Kamil oleh Shafei Abu Bakar (1996). Prinsip kerasulan bersifat Kamil ini memperlihatkan gaya pemikiran yang bijaksana dilakukan oleh manusia. Hal ini kerana manusia telah mempelajari ilmu agama secara amnya. Maka, setiap permasalahan yang berlaku membuatkan manusia akan sentiasa mencari alternatif untuk menyelesaikannya. Manusia yang mempelajari agama akan bertanggungjawab menyelesaikan masalah tersebut tanpa mengabaikannya. Hal ini kerana manusia sedar setiap khalifah di muka bumi memiliki tanggungjawab dan peranan tersendiri. Prinsip ini mendidik kanak-kanak agar lebih berusaha tanpa meminta bantuan orang lain. Prinsip ini mampu membiarkan kanak-kanak untuk meneroka permasalahan mereka secara kreatif. Secara tidak langsung, kanak-kanak lebih beradaptasi dengan pelbagai kaedah kreatif untuk menyelesaikan masalah. Ibu bapa juga tidak perlu memikirkan penyelesaian ke atas masalah kecil yang terjadi. Hal ini kerana mereka mampu mengandalkan tindakan anak-anak untuk menyelesaikannya.

Nilai Moral Melalui Murah Hati

Murah hati merupakan kebaikan hati seseorang dalam menawarkan perkhidmatan atau sumbangan (Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob, 2023). Setiap kebaikan yang diberikan tidak akan diminta balasan lain. Hal ini membuatkan orang lain akan berasa terharu dengan tindakan tersebut. Maka, mereka akan sentiasa saling membantu antara satu sama lain tanpa mengira status atau pangkat seseorang. Pernyataan ini disokong oleh Jacqueline Karimon & Shaiful Bahri Mohd. Radzi (2021) murah hati ialah tindakan seseorang yang tidak kedekut dalam memberikan barangan atau sumbangan. Hal ini berlaku kerana individu tersebut memiliki perasaan penyayang serta belas ehsan. Maka, individu tersebut akan sentiasa berusaha untuk membantu orang lain yang dalam kesusahan. Nilai moral melalui murah hati mampu dilihat dalam tajuk cerita *Syeikh Butana yang Cerdik*. Nilai ini diperincikan seperti petikan di bawah:

Petikan 8

Syeikh Hamad menerima Zainal dengan hati terbuka. Sebagaimana mengikut adat Sudan, Syeikh Hamad perlu mengadakan jamuan makan malam untuk menghormati tetamunya. Dia menyembelih seekor lembu jantan sebagai hidangan. Malah, Syeikh Hamad tidak lupa mengundang semua orang untuk menemani Zainal menjamu selera sambil didendangkan dengan muzik dan cerita kepahlawanan suku-suku di Butana.

(Hassan Noor & Rohani Mohd Bakri, 2016: 33)

Petikan di atas memperlihatkan sikap murah hati pada watak Syeikh Hamad. Dikatakan Syeikh Hamad menerima seorang tetamu yang ingin menggembara ke Butana. Kehadiran tetamu itu disambut dengan baik malah disembelih seekor lembu jantan sebagai hidangan. Malahan, Syeikh Hamad juga menjemput orang ramai untuk memeriahkan majlis tersebut. Tindakan Syeikh Hamad memperlihatkan kemurahan hatinya dalam menyambut tetamu. Syeikh Hamad tidak merungut tentang kepayahan atau pemborosan yang telah dilakukan untuk menyambut tetamunya itu.

Pengaplikasian teori Takmilah menerusi prinsip kerasulan bersifat Kamil oleh Shafei Abu Bakar (1996). Prinsip kerasulan bersifat Kamil melibatkan pemikiran manusia yang berpandukan agama Islam sesungguhnya. Melalui pendekatan ilmu agama Islam, manusia dididik untuk meraikan tetamu walau dengan bermacam kaedah. Hal ini kerana mereka percaya setiap kehadiran tetamu itu adalah sumber rezeki. Oleh itu, tetamu perlu diraikan dalam keadaan yang wajar. Setiap kepentingan tetamu haruslah didahulukan terlebih dahulu. Hal ini memberi gambaran bahawa umat Islam sangat mementingkan hubungan ukhwah sesama mereka. Prinsip ini mengajar kanak-kanak agar lebih berlapang dada ketika menerima kritikan atau teguran. Prinsip ini mengajar kanak-kanak tentang kesabaran dan ikhlas dalam melakukan apa-apa perkara. Nilai murah hati juga mengajar kanak-kanak untuk menjaga tingkah laku ketika berhadapan dengan orang ramai. Hal ini bagi menjaga imej atau air muka ibu bapa mereka di hadapan khalayak. Oleh itu, nilai murah hati ini penting untuk dipelajari oleh kanak-kanak agar lebih memahami adat istiadat masyarakat terdahulu.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati cerita rakyat banyak memberi nilai tambah kepada kehidupan masyarakat. Cerita rakyat banyak mengajar masyarakat tentang erti kehidupan yang sebenar. Hubungan sesama mereka haruslah dijaga keharmonianannya agar ianya mampu mewujudkan ukhwah sebagaimana yang dianjurkan dalam agama Islam. Tambahan pula, nilai moral dalam cerita rakyat memberi galakan kepada kanak-kanak untuk membina keperibadian yang baik. Hal ini jelas mengajar mereka untuk saling menjaga kesepaduan sesama komuniti. Pendidikan sebegini mampu mendidik kanak-kanak untuk lebih bertoleransi serta memahami keadaan orang lain. Oleh itu, penyampaian cerita rakyat seharusnya giat dijalankan agar nilai moral mampu disampaikan secara meluas kepada kanak-kanak.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Aishah Abdul Malek, Mohd Nazri Abdul Rahman, Romli Darus & Muhammad Asyraf Mansor. (2019). Pendekatan Bercerita Berasaskan Kurikulum Berkepelbagaian Budaya Untuk Pembelajaran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 7(3), 28-34.
- Awang Azman Awang Pawi. (2021). Hikayat Panglima Nikosa: Transformasi Sosial dalam Magnum Opus Borneo: Teks dan Konteks. *International Journal Of Melayu Archipelago Studies*. 1(1), 1-13.
- Fatimah Hassan & Hamid Mohd. Isa. (2014). Mitos dan Legenda Sebagai Produk Pelancongan di Malaysia: Kajian Kes Lembah Lenggong. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*. 10(5), 168-179.
- Jacqueline Karimon & Shaiful Bahri Mohd. Radzi. (2021). Mitos Asal-Usul Kosmologi Murut Paluan dan Kadazandusun: Satu Perbandingan. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*. 7(1), 16-36.
- Juppri Bacotang, Zainiah Mohamed Isa, Mazlina Che Mustafa, Mahzan Arshad & Ainon Omar. (2016). Aplikasi Model Addie dalam Pembangunan Modul Literasi Awal (Modul LIT- A) Untuk Awal Kanak-Kanak. *JPBU Edisi Khas*. 1-10.

- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *Kajian Malaysia*. 40(1), 215-237.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan. (2023). The Research On Identification Of Moral Values In Malay Folklore As A Learning And Teaching Medium Among Students At University Malaysia Kelantan Through The Quizziz Application. *International Journal of Multidisciplinary Research and Growth Evaluation*. 4(5), 971- 974.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2021). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik. *Issues in Language Studies*. 10(1), 110-130.
- Norazimah Zakaria. (2013). Hikayat Melayu @ Sejarah Melayu “Long Version” Versi Tengku Said: Satu Kajian Teks Sastera Sejarah. *Jurnal Melayu*. 36-48.
- Nur Sabrina Ericca Erik. (2022). Nilai Murni dalam Lagu Rakyat Melayu Sarawak: Puteri Santubong. *International Journal Of Melayu Archipelago Studies*. 1(2), 1-6.
- Roslina Abu Bakar. (2017). Hikayat Pelanduk Jenaka: Perkembangan Kecerdasan Bodily-Kinesthetic dan Kecerdasan Bahasa Kanak-Kanak dan Remaja. *Jurnal Pendidikan Bitara*. 11, 33-51.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2023). Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat. *PENDETA*. 14(2), 56-70.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2023). Akal Budi dalam Cerita Rakyat Interpretasi Sosiobudaya Kanak-Kanak dan Remaja. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*. 1, 95-107.